

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 07.06.2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM mengikut Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menambahbaik usaha-usaha mencegah jenayah rasuah di negara ini termasuklah penambahbaikan dari segi undang-undang dan memperkemaskan prosedur-prosedur sedia ada.

Berhubung dengan saranan oleh JKMR supaya perlantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dilaksanakan mengikut Perlembagaan Persekutuan, kajian yang teliti dan menyeluruh masih dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Ini kerana pindaan ini memerlukan kelulusan majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat di Parlimen. *Engagement* yang berterusan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas dan bila tiba masanya kelak apabila pindaan Perlembagaan ingin dibuat, pihak Kerajaan amat berharap agar sokongan majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat dapat diberikan kepada Kerajaan nanti.

Sekian, terima kasih